

**Parlimen: Anggota Parlimen Persoal Keberkesanan Nur Alert
Bernama
22 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Seorang anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) Khamis mempersoalkan keberkesanan sistem National Urgent Response (NUR) Alert yang dilihat gagal memainkan peranan dalam menyebarkan maklumat awal bagi mengesan kanak-kanak hilang di negara ini.

Khairy Jamaluddin Abu Bakar (BN-Rembau) berkata statistik menunjukkan sistem itu hanya diguna untuk lima kes kehilangan kanak-kanak sehingga tahun ini, sejak ia dilancarkan Januari 2010.

"Seramai 54 kanak-kanak dilaporkan hilang pada tahun 2010 tetapi NUR Alert hanya digunakan dua kali. Kenapa hanya lima kali digunakan dan pada masa yang sama kes kehilangan kanak-kanak begitu banyak," katanya ketika membahaskan usul menjunjung kasih Titah Diraja pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

Beliau memberi contoh kes kehilangan kanak-kanak berumur tujuh tahun Dass Robert pada 2010 di mana NUR Alert hanya dikeluarkan lapan hari selepas kehilangannya.

"Kanak-kanak itu kemudiannya dijumpai dalam tempoh 24 jam selepas NUR Alert dikeluarkan," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654182>